

## Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah (Bullying in Malaysia: Its Problem and Solutions from Syariah Perspective)

AHMAD AZAM MOHD SHARIFF  
MOHAMAD AZHAN YAHYA  
MOHD ZAMRE MOHD ZAHIR  
FATIMAH YUSRO HASHIM

### ABSTRAK

*Perlakuan buli telah menjadi suatu fenomena yang merisaukan sejak akhir-akhir ini. Terdapat banyak kes buli di Malaysia yang dilaporkan di media-media massa dan elektronik. Apa yang lebih membimbangkan ialah perlakuan membuli di negara ini berlaku dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Penulisan ini mengupas permasalahan dari perspektif prinsip asas syariah. Penulisan ini adalah berasaskan kepada suatu kajian perundangan tulin yang bercirikan kualitatif. Sumber-sumber berkaitan buli dan prinsip-prinsip syariah yang berkaitan dikumpul melalui kajian perpustakaan. Semua bahan berkaitan buli dalam bentuk buku, manuskrip mahupun artikel dalam jurnal telah semuanya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis kritis. Secara objektifnya, penulisan ini pertamanya menganalisis prinsip akhlak menurut syariah dan bagaimana kehidupan berakhlak itu bertunjangkan kepada akidah dan takwa. Keduanya, ia mengenal pasti kepincangan akhlak yang membawa kepada perlakuan membuli adalah sebenarnya berpunca dari kepincangan akidah dan taqwa dalam diri pembuli. Ketiganya, penulisan ini turut mencadangkan penyelesaian perundangan dengan mencadangkan pembentukan 'standard operating procedure' atau SOP serta modul khusus. Ianya turut menegaskan bahawa sebarang pembentukan SOP dan modul untuk memerangi gejala buli adalah selari dengan prinsip syariah. Diharapkan agar penulisan ini berupaya memberikan penjelasan yang lebih baik tentang perlakuan membuli dari perspektif syariah dan apakah yang boleh dilakukan dalam membendung gejala yang merisaukan ini.*

*Kata kunci: buli; membuli; akhlak; 'aqidah; taqwa; prinsip syariah; SOP; modul*

### ABSTRACT

*The act of bullying has become a worrying phenomenon of late. There have been many Malaysian cases on bullying being reported in mass and electronic media. What is more worrying is the fact that bullying occurs among primary and secondary school students in this country. This writing discusses the problem from the perspective of syariah basic principles. This writing is based on pure legal research which is qualitative in nature. All related materials on bully and syariah principles have been cumulated via library research. Materials in forms of books, manuscripts and articles journals have been analysed using content analysis and critical analysis methodologies. Objective-wise, this writing firstly analyses the principle of 'akhlak' in syariah and how living with 'akhlak' actually rests on one's faith ('aqidah') and submission ('taqwa'). Secondly, it simultaneously identifies moral decadence (which leads to one's act of bullying) is indeed caused by decays in one's 'aqidah' and 'taqwa.' Thirdly, this writing also comes up with suggestions on legal solving methods by forming standard operating procedures or SOP as well as pecific modules. This writing argues that such formings of SOPs and modules to combat bullying are in sync with syariah principles. It is hoped that this writing succeeds in giving a clearer explanation on bullying from the syariah perspectives and what could be done to combat this worrying problem.*

*Keywords: Bully; bullying; akhlak; 'aqidah; taqwa; syariah principles; SOP; modules*

### PENGENALAN

Walaupun membuli dianggap sebagai aktiviti yang tidak perlu dibimbangi di Malaysia suatu ketika dulu, ianya kini telah menjadi fenomena yang berbahaya. Ini kerana kadar kejadian membuli telah menjadi

terlalu berleluasa. Malah metod membuli juga telah menjadi semakin berbahaya dan kejam. Dalam suatu kejadian buli yang berlaku di Pulau Pinang dalam tahun 2017, seorang pelajar sekolah menengah telah dibuli dengan dahsyat sehingga beliau meninggal dunia. Malah terdapat juga mangsa buli yang

telah didera dengan dipukul, ditampar, diseterika dan berbagai metod tidak berperi kemanusiaan lain.<sup>1</sup> Pada 8 November 2020 pula, Utusan Online melaporkan bahawa seorang pelajar sekolah menengah di Johor berumur 14 tahun diberitakan telah dipukul oleh enam orang pelajar senior sehingga mengakibatkan kecederaan pada otot dada serta paru-paru yang hampir bocor. Ibu pelajar yang menyedari akan kejadian dera tersebut setelah memeriksa telefon bimbit anaknya telah membuat laporan polis. Pihak polis kemudiannya telah menahan reman keenam-enam suspek. Kesemua kes di atas hanya mengesahkan fakta bahawa kes buli di negara ini memang berada pada tahap amat merisaukan. Dengan kejadian sebegini, adalah amat wajar bagi masyarakat Malaysia untuk melahirkan kerisauan mereka terhadap gejala buruk ini.

#### FAKTOR KANAK-KANAK DAN REMAJA BERTUKAR MENJADI PEMBULI

Walaupun anak-anak adalah merupakan anugerah yang tidak ternilai yang perlu dipelihara serta dididik dengan sebaiknya, realiti pada hari ini menyaksikan berlakunya kerosakan dalam hubungan antara ibubapa dan anak.<sup>2</sup> Profesor Dr. Zuria Mahmud turut meluahkan kerisauan mengenai berlakunya kemerosotan dalam hubungan dan kasih sayang antara ibubapa-anak serta betapa perlunya semua pihak mengembeling tenaga bagi membendung gejala tersebut.<sup>3</sup> Antara faktor kerosakan hubungan ibubapa-anak yang dikenalpasti adalah faktor tekanan hidup. Kehidupan yang dilalui oleh ibubapa yang bertungkus lumus mencari rezeki untuk menampung kos kehidupan yang semakin tinggi sebenarnya mengundang stres sehingga boleh mengakibatkan hubungan antara ibubapa dan anak mula menjadi renggang. Sekiranya faktor-faktor seperti tekanan di tempat kerja dan masalah kewangan tidak ditangani dengan baik, hubungan ibubapa-anak yang semakin renggang tersebut kemudiannya boleh mengakibatkan stres yang memuncak sehingga berupaya membawa kepada penderaan anak.<sup>4</sup>

Penderaan ke atas anak boleh berlaku dalam pelbagai keadaan seperti penderaan fizikal mahupun penderaan mental dan emosi. Penderaan fizikal menjurus kepada penderaan secara fizikal yang dilakukan ke atas anak seperti memukul atau mencederakan samada menggunakan tangan, kaki mahupun objek sehingga terhasilnya kecederaan fizikal ke atas anak. Penderaan mental dan emosi pula melibatkan layanan buruk atau pengabaian ke

atas anak yang bukan berbentuk fizikal sehingga anak mengalami tekanan jiwa atau gangguan emosi dan mental.<sup>5</sup> Statistik kes penderaan kanak-kanak di negara ini pernah dilaporkan mencecah sebanyak 2780 kes untuk tempoh tiga tahun.<sup>6</sup> Turut dinyatakan antara faktor yang dikesan telah mengakibatkan stres sehingga membawa kepada penderaan anak adalah faktor tekanan di tempat kerja, masalah ekonomi keluarga yang meruncing, krisis rumahtangga dan kurangnya didikan serta kesedaran agama.<sup>7</sup> Kanak-kanak yang telah melalui penderaan emosi dan mental akibat layanan buruk atau pengabaian sebenarnya mengakibatkan tekanan jiwa, emosi dan mental. Kesan-kesan negatif sebegini akhirnya memainkan peranan merosakkan jiwa, emosi serta mental mereka sehingga mereka berpotensi untuk bertukar menjadi pembuli untuk melepaskan tekanan serta untuk mendapatkan perhatian orang di sekelilingnya. Fakta di atas kelihatan selari dengan polar peningkatan kes buli dalam kalangan pelajar pra-sekolah dan sekolah yang dilaporkan oleh Mohamed Afiq Amani Mohamed Nahdirsha dan Rani Ann Balaraman dalam artikel 2018 yang bertajuk Pelaporan Berita Buli Dalam Akhbar *Broadsheet* Utusan Malaysia dan Tabloid Berita Harian di Malaysia. Laporan tersebut menyebut Malaysia berada di tempat ke tiga di Asia dalam kategori negara tidak selamat akibat peningkatan kes jenayah seperti buli. Artikel turut menyebut berdasarkan suatu kajian tahun 2016, seramai 37.3% pelajar di sekolah-sekolah luar bandar khususnya di FELDA telah menjadi mangsa buli verbal dan fizikal. Artikel tersebut turut merujuk kepada suatu kajian lain dalam tahun 2014 yang menyebut seramai 49.4% kanak-kanak pra-sekolah (*elementary schools*) diberitakan pernah menjadi mangsa buli. Malahan, berdasarkan statistik antara tahun 2015 sehingga Jun 2017 yang dipersembahkan dalam penulisan ini, secara kumulatif terdapat sejumlah 7331 kes buli yang telah dilaporkan. Malah kekerapan kes-kes buli yang dilaporkan di dada akhbar, pelaporan berita atas talian dan sumber-sumber media sosial lain antara tahun 2018 hingga 2020 telah mencatat purata empat kes setiap bulan.

#### GEJALA BULI DI MALAYSIA: PERSPEKTIF SYARIAH SECARA UMUM

Prinsip syariah sebenarnya memandang serius terhadap gejala buli yang berlaku di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini. Prinsip syariah amat menuntut agar manusia bersilatullahim serta sentiasa menunjukkan adab serta akhlak yang

baik sewaktu berhubung dan bergaul sesama mereka. Adab dan akhlak yang baik seharusnya menghiasi pergaulan sesama manusia tanpa mengira bangsa, budaya mahupun agama.

Pada hakikatnya dalam sesebuah negara, prinsip syariah menuntut warga Islam dan juga bukan Islam agar sama-sama mempamerkan perilaku yang luhur serta berbuat baik antara satu sama lain. Ini terbukti daripada fakta sejarah Islam ketika negara Islam tertubuh di Madinah. Penduduk Yahudi di Madinah telah diberi kebebasan untuk hidup bersama-sama dengan penduduk-penduduk Islam lain dari golongan Muhajirin dan Ansar. Mereka dibenarkan untuk hidup dengan aman serta bebas mengamalkan agama mereka selagi mana mereka berbaik-baik dengan penduduk Islam dan tidak menganiayai mereka. Manakala tuntutan terhadap penduduk Islam untuk berakhlak luhur serta berbuat baik sesama manusia tanpa mengira agama amat jelas. Semasa era negara Islam Madinah, Rasulullah SAW sendiri pernah menziarahi seorang Yahudi yang sedang sakit walaupun sering dianiyai oleh Yahudi berkenaan sebelum itu.<sup>8</sup> Selain itu, terdapat banyak ayat yang menjelaskan tuntutan Allah SWT ke atas orang-orang mukmin agar berbuat baik serta menjauhi dari tingkah laku yang tidak baik atau sia-sia. Firman Allah SWT dalam al Mukminun, ayat 1-5 yang mana mafhumnya:

“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. Iaitu orang-orang yang khuyuk dalam solatnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan atau perkataan) yang tidak berguna. Dan orang-orang yang menunaikan zakat. Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya.”<sup>9</sup>

Dalam sebuah hadis Nabawi yang diriwayatkan oleh Tirmizi, Rasulullah SAW telah bersabda yang mana mafhumnya:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang baik akhlaknya.”<sup>10</sup>

Justeru prinsip syariah dengan jelas menuntut manusia tanpa mengira agama agar berlaku baik sesama mereka tidak kira di mana mereka berada. Kesemua individu dalam sesebuah masyarakat itu harus hormat menghormati, saling memuliakan antara satu sama lain serta melayani satu sama lain dengan baik samada dalam bentuk perlakuan, perkataan mahupun tindak tanduk lain secara umumnya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Rasulullah saw telah bersabda yang membawa erti:

“Barang siapa yang tidak memuliakan manusia, nescaya Allah tidak akan memuliakannya.”<sup>11</sup>

Justeru, prinsip syariah amat menitik beratkan agar manusia menjaga pertuturan serta perlakuan sesama individu dalam sesebuah masyarakat. Ini bererti manusia dilarang dari menyakiti antara satu sama lain. Sabda Rasulullah saw dalam sebuah hadis yang bererti:

“Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan yang buruk serta beramal dengannya, maka tiada erti bagi mereka (yang berpuasa itu) meninggalkan makan dan minum di sisi Allah.”<sup>12</sup>

Sesungguhnya Allah swt. menjadikan manusia untuk kenal mengenal serta berbuat baik sesama mereka. Prinsip ini jelas ditekankan dalam firman Allah SWT dalam al Hujurat, ayat 13 yang mana mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya Kami telah jadikan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah jadikan kamu berpuak-puak dan berqabilah-qabilah agar kamu semua saling kenal mengenal.”<sup>13</sup>

Ternyata, berakhlak baik sesama insan amat dituntut di kalangan mereka yang beriman sehinggakan ianya dianggap dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi sebagai pencuci kepada segala dosa-dosa yang telah dilakukan. Sabda Rasulullah saw. dalam hadis tersebut yang bererti:

“Perilaku yang baik itu akan membersihkan dosa sebagaimana ianya dicuci oleh air salji, manakala perilaku yang buruk pula merosakkan amalan sebagaimana cuka merosakkan madu.”<sup>14</sup>

#### KORELASI PERBUATAN MEMBULI DENGAN AQIDAH DAN KETAKWAAN

Sebenarnya, perilaku dan adab yang mulia adalah cermin kepada ketakwaan dan keimanan dalam diri seseorang. Iman adalah kepercayaan serta keyakinan yang tertanam dalam lubuk hati tanpa rasa syak akan ketauhidan Allah SWT., kerasulan para Nabi dan RasulNya serta kebenaran Islam sebagai suatu cara kehidupan. Aqidah seseorang mempengaruhi pandangan hidup, perilaku serta amal seharian yang dilakukannya. Jika aqidah atau iman seseorang itu subur, sudah tentu akhlaknya, yang diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku dan tindak tanduk seseorang dalam pelbagai muamalah sehariannya juga adalah baik dan begitulah juga sebaliknya.<sup>15</sup> Justeru manusia dituntut agar menunjukkan akhlak

serta perilaku yang baik dalam pergaulan sehariannya dengan masyarakat sekeliling. Akhlak serta budi pekerti mulia seharusnya lahir secara ikhlas dari aqidah yang suci dan bukannya dari kepura-puraan. Firman Allah SWT. dalam Al Baqarah ayat 8-11 yang membawa mafhum:

“Di antara manusia ada yang mengatakan: Kami beriman kepada Allah dan Hari kemudian, pada hal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal mereka hanya menipu diri mereka sendiri sedang mereka tidak sedar. Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya; dan bagi mereka siksa yang pedih, disebabkan mereka berdusta. Dan bila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang membuat kebaikan.”<sup>16</sup>

Justeru, gejala buli yang semakin menjadi-jadi di kalangan kanak-kanak serta remaja sekolah di negara ini adalah haram dan dilarang sama sekali menurut prinsip syariah. Seseorang itu dilarang sama sekali untuk membuli dan menyakiti mana-mana individu di sekelilingnya tanpa mengira agama, jantina, bangsa dan budaya. Budaya buli membuli, sakit menyakiti serta aniaya menganiyai sesama manusia sebenarnya mencerminkan kepincangan hati, aqidah dan takwa dalam diri mereka.

Dalam hal ini, para ulama menjelaskan bahawa di kalangan manusia terdapat 3 jenis hati iaitu hati yang sihat, hati yang sakit dan hati yang mati. Hati yang sihat berada dalam keadaan beriman, bertakwa dan bersih. Hati sebegini sentiasa cenderung kepada melakukan amal soleh serta sentiasa menjaga amalan serta akhlaknya walau di mana juapun.<sup>17</sup> Hati yang sakit pula digambarkan sebagai mempunyai roh dan jiwa tetapi mempunyai penyakit di dalamnya. Di kala iman kuat, maka hati tersebut akan cenderung melakukan kebaikan serta menjaga adab dan tingkah laku tetapi di kala iman lemah, hati tersebut akan cenderung melakukan maksiat serta buruk adab dan tingkah lakunya. Hati seperti ini mudah dinoda, percaya kepada fitnah, keras hati serta merasa sombong dan bongkak kerana merasa diri amat sempurna serta tiada cacat celanya.<sup>18</sup> Dalam pada itu, hati yang mati pula merujuk kepada hati yang telah hilang roh dan jiwanya. Hati seperti ini tenggelam dalam nafsu syahwat, sentiasa menginginkan maksiat dan keseronokan tanpa mengambil kisah samada Allah SWT redha atau murka terhadapnya.<sup>19</sup>

Setiap individu yang beragama Islam dalam masyarakat seharusnya menyedari dan memperakui hubungkait antara aqidah dan ketakwaan seseorang dengan akhlak, tingkah laku serta tindak tanduknya dengan individu lain di sekelilingnya. Justeru,

sekiranya sifat-sifat seperti pemaarah, pendendam, tidak sabar, ego, sombong serta suka menyakiti dan menganiyai orang yang dianggap lebih lemah darinya tanpa menghiraukan hak orang lain yang membawa kepada senario buli di kalangan kanak-kanak dan remaja, keadaan ini sebenarnya mencerminkan kepincangan hati, keimanan dan ketakwaan yang telah membawa kepada jiwa yang rosak dan kacau.

Dalam hal ini, seseorang itu tidak sepatutnya membiarkan sifat pemaarah dan tidak sabar menguasai diri sendiri. Allah SWT. sentiasa mengingatkan hambanya agar sentiasa bersifat sabar dalam apa jua keadaan.<sup>20</sup>

FirmanNya dalam al Imran, ayat 200 yang membawa mafhum:

“Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetapkanlah bersiap sedia (diperbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung.”<sup>21</sup>

Dalam masa yang sama, sifat sombong dan zalim amat dibenci oleh Allah SWT serta merupakan petanda rosaknya hati dan iman seseorang.<sup>22</sup> Firman Allah SWT dalam al Naml, ayat 14 yang bererti:

“Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan (mereka) pada hal hati mereka meyakini (kebenaran)nya. Maka perhatikanlah betapa kesudahan orang-orang yang berbuat kebinasaan.”<sup>23</sup>

Dalam pada itu, sifat menzalimi serta tidak menghormati atau tidak menghiraukan keadaan serta hak individu lain amat ditegah oleh Allah SWT.<sup>24</sup> Dalam sebuah hadis qudsi, Allah SWT. berfirman yang bererti:

“Hai hamba-hambaKu, sesungguhnya Aku mengharamkan berbuat penganiayaan atas diri Ku sendiri dan juga Aku menetapkan bahawa itu adalah haram antara sesamamu, maka jangan saling aniaya menganiyai.”<sup>25</sup>

Sifat-sifat mazmumah yang telah dikupas di atas sebenarnya mendorong mereka untuk melakukan perbuatan buli ke atas mangsa yang lebih lemah. Sifat membuli serta menganiyai golongan yang lebih lemah sudah tentu ditegah oleh prinsip syariah. Malah sekiranya budaya ini dibiarkan terus berleluasa, pastinya gejala buli akan merosakkan kehidupan remaja sekaligus membawa kepada kerosakan jiwa, akhlak dan kehidupan yang akhirnya akan meruntuhkan institusi masyarakat keseluruhannya. Firman Allah SWT. dalam al Rum, ayat 41 yang mafhumnya:

“Maka telah muncul kerosakan di bumi dan laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia.”<sup>26</sup>

#### PENGGUBALAN PERUNDANGAN, SOP DAN MODUL UNTUK MEMBENDUNG GEJALA BULI: JUSTIFIKASI DARI PERSPEKTIF PRINSIP SYARIAH

Penulis dengan ini menghujahkan bahawa sebarang penggubalan perundangan, SOP mahupun modul adalah bertujuan untuk membendung gejala buli di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini dan ia sama sekali tidak bertentangan dengan prinsip syariah. Malah pelaksanaan dan penguatkuasaan sedemikian adalah bermatlamat untuk menangani, mendisiplinkan serta mereformasi golongan tersebut. Ia juga dilihat sebagai suatu langkah untuk melindungi mangsa-mangsa buli ke arah mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan positif bagi mereka meneruskan kehidupan. Pandangan penulis adalah berdasarkan kepada hujah-hujah berikut.

##### PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN, SOP DAN MODUL SELARI DENGAN KONSEP PRINSIP JENYAH SYARIAH

Adalah jelas bahawa jenayah buli yang kini berleluasa dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di Malaysia pada hari ini menyalahi prinsip-prinsip syariah serta wajar untuk dianggap sebagai suatu jenayah di sisi syariah. Malah sekiranya pembuli itu seorang yang sudah dewasa, maka perbuatan buli boleh jatuh di bawah kategori *hudud*, *qisas* ataupun *ta'zir*. Dalam hal ini, sekiranya sesuatu kejadian buli itu melibatkan peras ugut dan rampasan barang milik, maka ianya boleh jatuh di bawah jenayah *hudud*. Dalam pada itu, sekiranya kejadian buli itu melibatkan kejadian dera yang menghasilkan kecederaan tubuh badan ataupun kematian mangsa buli, maka perbuatan buli itu boleh jatuh di bawah jenayah *qisas*.<sup>27</sup> Sebaliknya sekiranya kejadian buli itu mengakibatkan sebarang bentuk kecederaan mahupun kecederaan dalam bentuk yang lain (seperti ketakutan, tekanan emosi dan sebagainya) yang tidak jatuh dalam kategori *hudud* dan *qisas*, maka perbuatan buli tersebut boleh jatuh di jenayah *ta'zir*.<sup>28</sup> Dalam masa yang sama, sekiranya pembuli adalah merupakan seorang kanak-kanak yang belum bertanggung sepenuhnya tetapi melakukan bentuk-bentuk jenayah yang bercirikan *hudud* atau *qisas* seperti di atas, maka perbuatan buli tersebut masih turut jatuh di bawah kategori *ta'zir* juga.<sup>29</sup>

Justeru, adalah wajar bagi kita mengiktiraf sebarang bentuk penggubalan perundangan, SOP mahupun modul bagi tujuan untuk membendung gejala buli dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini. Ini kerana gejala buli adalah merupakan suatu gejala yang serius dan boleh mendatangkan pelbagai kerosakan samada dalam bentuk emosi, nyawa, tubuh badan mahupun harta dan persekitaran. Samada dilihat dari perspektif *hudud*, *qisas* mahupun *ta'zir*, prinsip jenayah tetap memandangnya sebagai suatu jenayah yang serius yang perlu dibendung. Pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan, SOP mahupun modul berkaitan kesalahan buli adalah bermatlamatkan untuk menangani, mendisiplinkan serta mereformasi golongan tersebut. Ini bersesuaian dengan konsep *ta'dib* di bawah prinsip jenayah syariah.<sup>30</sup>

##### PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN, SOP DAN MODUL TIDAK BERTENTANGAN DENGAN MASLAHAH

Sebarang penggubalan perundangan, SOP mahupun modul yang bertujuan untuk membendung gejala buli di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini, seharusnya dibenarkan atas dasar kemaslahatan umum. Adalah jelas bahawa ianya tidak bertentangan dengan konsep *maṣāliḥ al mursalah*.

*Maṣāliḥ al mursalah* bererti mengeluarkan suatu hukum baru dalam perkara yang belum pernah lagi diputuskan dalam *al Qurān* mahupun *al Sunnah* atas tujuan kemaslahatan umum.<sup>31</sup> Sabda Rasulullah SAW yang bererti:

“Islam itu tidak mudarat dan tidak pula memudaratkan.”<sup>32</sup>

Sebarang bentuk prinsip mahupun cadangan baru haruslah bermotifkan untuk memperelokkannya serta menghindarkan masyarakat dan negara dari kemudharatan dan kerosakan.<sup>33</sup> Dalam hal ini, adalah jelas sebarang penggubalan perundangan, SOP mahupun modul bertujuan untuk membendung gejala buli di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini adalah untuk menghindari masyarakat dari kerosakan, kemudharatan dan kemusnahan. Ini kerana pelaksanaan dan penguatkuasaan sedemikian adalah bertujuan untuk menangani, mendisiplinkan serta mereformasi golongan pembuli sekaligus melindungi mangsa-mangsa buli.

Perlaksanaan dan penguatkuasaan sedemikian sudah semestinya adalah merupakan suatu isu baru

yang belum pernah lagi diputuskan samada oleh *al Qurān* mahupun oleh *al Sunnah*. Ibn Qayyim ada menegaskan yang mana mafhumnya:

“Sesungguhnya syariat Islam itu terdiri atas dasar kebijaksanaan dan maslahat manusia untuk hidup di dunia dan di akhirat. Syariat Islam semuanya berupa keadilan, rahmat, maslahat dan nikmat.”<sup>34</sup>

#### PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN, SOP DAN MODUL BERASASKAN KEPADA *DHARURIYYAT*

Dalam memastikan agar segala bentuk cadangan baru bersesuaian dengan konsep *maṣāliḥ al mursalah*, ianya harus memenuhi ciri-ciri *dharūriyyāt*, *ḥājīyāt* atau *taḥsīniyyāt*.<sup>35</sup>

*Dharūriyyāt* bererti suatu keadaan di mana *ijtihād*, cadangan serta usaha baru itu dilakukan atas dasar terdesak demi mengelakkan kerosakan dalam masyarakat.<sup>36</sup> *Ḥājīyāt* pula menggambarkan suatu keadaan di mana *ijtihād*, cadangan serta usaha baru itu perlu dilakukan bagi mendatangkan kemudahan serta menafaat kepada masyarakat. Dalam hal ini, sekiranya *ijtihād* mahupun usaha baru tersebut tidak dilakukan, tiada kerosakan besar yang berlaku dalam masyarakat kerana masyarakat masih lagi mampu mengekalkan hukum dan keadaan yang sedia ada walaupun bakal berdepan dengan sedikit kesukaran.<sup>37</sup> Manakala *taḥsīniyyāt* pula merupakan suatu keadaan di mana *ijtihād* mahupun usaha baru tersebut dilakukan untuk memperelokkan lagi hukum atau keadaan yang sedia ada. Ini bererti sekiranya *ijtihād* mahupun usaha baru tersebut tidak dilakukan, tiada apa-apa kerosakan atau kesulitan yang akan berlaku langsung dalam masyarakat lantaran hukum dan keadaan yang sedia ada telah memadai.<sup>38</sup> Sungguhpun begitu, sekiranya dilaksanakan, maka hukum atau usaha baru tersebut akan memperelokkan lagi pelaksanaan yang sedia ada.<sup>39</sup>

Secara keseluruhannya, walaupun cadangan penggubalan perundangan, SOP mahupun modul bertujuan untuk membendung gejala buli dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini bukan merupakan suatu *ijtihād*, ternyata usaha tersebut masih jatuh di bawah kategori *dharūriyyāt*. Ini memandangkan gejala buli di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini telah menjadi semakin kritikal. Saban minggu pelbagai kejadian buli dilaporkan di media-media massa dan ramai mangsa-mangsa buli menderita. Gejala buli sebegini ternyata akan mengundang pelbagai kerosakan, kemudaratan dan kecelakaan dan ianya

tidak sepatutnya dibiarkan berleluasa. Justeru sebarang usaha untuk menanganani, mendisiplinkan serta mereformasi golongan tersebut melalui sebarang penggubalan perundangan, SOP mahupun modul telah mencapai tahap keperluan yang amat tinggi atau *dharūriyyāt*. Ianya jelas selari dengan kaedah *fiqh* berbunyi: *La dharara Wa la Dhirār*.<sup>40</sup>

#### PRINSIP-PRINSIP SYARIAH YANG PERLU DIKUTI PENGGUBALAN PERUNDANGAN, SOP DAN MODUL UNTUK MEMBANTERAS BULI

Sekiranya perundangan, SOP mahupun Modul untuk membendung gejala buli ingin digubal, maka prinsip jenayah syariah menekankan keperluan untuk membuktikan kedua-dua elemen kesalahan iaitu perbuatan (*actus reus*) mahupun niat (*mens rea*). Ini bererti sebelum suspek atau tertuduh boleh disabitkan atas kesalahan buli, perlu dibuktikan bahawa perlakuan tersebut dilakukan dengan sengaja atau dengan niat.

Pertamanya, suspek atau tertuduh harus dibuktikan telah melakukan perlakuan membuli mangsa.<sup>41</sup> Allah swt telah berfirman dalam al Nisa, ayat 123 yang bererti:

“Barangsiapa yang melakukan kejahatan dia akan dibalas dengan kejahatan itu.”<sup>42</sup>

Dari segi elemen perbuatan atau *actus reus*, setiap perlakuan membuli, samada telah mengakibatkan kecederaan fizikal ke atas mangsa atau sebaliknya, adalah haram. Perbuatan buli secara fizikal seperti perbuatan memukul, menampar, mencekik, menumbuk dan sebagainya, samada dilakukan dengan menggunakan tangan, senjata mahupun alat-alat lain, adalah haram serta merupakan suatu jenayah serta wajar dihukum sekiranya dilakukan dengan sengaja.<sup>43</sup> Manakala perbuatan buli secara emosi atau mental seperti mengherdik, menengking, mengugut serta menakut-nakutkan juga adalah haram serta turut dianggap sebagai suatu jenayah. Firman Allah swt lagi dalam al Zalzalah, ayat 8 yang bermaksud:

“Dan barangsiapa yang melakukan kejahatan walau sebesar zarah nescaya Allah Melihatnya.”<sup>44</sup>

Menurut Imam al Mawardi, perlakuan jenayah yang diharamkan itu boleh jadi suatu perbuatan aktif mahupun pasif. Justeru tidak kira samada suspek atau tertuduh melakukan perbuatan aktif seperti menampar, memukul dan sebagainya yang

mengakibatkan kecederaan ke atas mangsa buli, ataupun melakukan perbuatan pasif yang seperti mengherdik, menengking, mengugut serta menakutkan sehingga mengakibatkan mangsa berada dalam keadaan ketakutan dan trauma, juga merupakan perlakuan jenayah dan wajar dihukum.<sup>45</sup>

Kedua, prinsip syariah juga menegaskan hanya perbuatan buli yang dilakukan dengan niat atau sengaja sahaja yang akan disabitkan dan dihukum.<sup>46</sup> Firman Allah swt dalam al Ahzab, ayat 5 yang bermaksud:

“Dan tidaklah menjadi tanggungan ke atas kamu pada perbuatan yang kamu tersilap melakukannya, kecuali (ianya menjadi kesalahan sekiranya) kamu meniatkan dalam hati-hati kamu (apa yang kamu lakukan).”<sup>47</sup>

Sabda Rasulullah saw dalam sebuah hadis yang bererti:

“Diangkat dari umatku apa yang tersilap atau terlupa atau apa yang dipaksa ke atasnya.”<sup>48</sup>

Sabda Rasulullah saw lagi dalam sebuah hadis lain yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak mengambil kira apa-apa yang diwaswaskan atau yang terlintas dalam hati seseorang selagi dia tidak berbuat dan berkata apa-apa.”<sup>49</sup>

Justeru haruslah dibuktikan bahawa suspek atau tertuduh telah membuli mangsa dengan sengaja. Prinsip ini ternyata selari dengan sebuah lagi hadis Rasulullah saw yang bererti:

“Sesungguhnya segala perbuatan itu adalah berasaskan kepada niat dan setiap orang akan memperoleh apa yang diniatkan olehnya.”<sup>50</sup>

#### PERBICARAAN DAN PERDENGARAN KES BULI HARUS BERLANGSUNG DALAM KEADAAN ADIL

Apa yang penting di sini prinsip syariah juga menetapkan agar sebelum suspek atau tertuduh disabitkan dan dihukum atas kesalahan buli, suspek atau tertuduh haruslah didakwa serta dibicarakan dengan adil. Ini kerana bagi sebarang kesalahan jenayah, prinsip syariah sentiasa menekankan agar kesalahan tersebut dibuktikan dengan keterangan yang kukuh serta tidak meragukan sebelum tertuduh boleh disabitkan. Firman Allah swt dalam al Maidah, ayat 42 yang bererti:

“Sekiranya kamu menghukum, maka hukumlah di kalangan mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.”<sup>51</sup>

Adalah menjadi tanggungjawab pendakwa untuk mengemukakan bukti keterangan yang kukuh serta meyakinkan mahkamah.<sup>52</sup> Ini bagi memastikan agar suatu penghakiman dan pensabitan yang adil dapat diperolehi.

#### KEADILAN DALAM PENSABITAN DAN PENGHAKIMAN

Setelah mendengar hujah pihak pendakwa dan pembela, mahkamah perlu memutuskan samada untuk mensabitkan tertuduh atau sebaliknya. Dalam hal ini, terdapat tiga bentuk penghakiman yang boleh terhasil berdasarkan tiga senario yang berbeza. Ianya menggambarkan betapa prinsip syariah membawa kepada keadilan dalam setiap penghakimannya.

Dalam senario pertama, sekiranya mahkamah mendapati terdapat bukti keterangan yang kukuh yang membuktikan bahawa tertuduh telah melakukan buli dengan sengaja tanpa sebarang keraguan, tertuduh boleh disabitkan dengan hukuman yang berat. Samada hukuman yang akan dijatuhkan itu hudud, qisas ataupun ta'zir adalah bergantung kepada bagaimana perlakuan buli itu dilakukan.<sup>53</sup>

Sebaliknya senario kedua juga mungkin berlaku. Sekiranya tertuduh dibuktikan telah melakukan kesalahan buli tetapi pada tahap niat yang lebih rendah seperti membantu (*accomplice*) pembuli melaksanakan perbuatan membulinya, maka tertuduh boleh disabitkan atas kesalahan membantu perbuatan buli serta dijatuhkan dengan hukuman alternatif yang lebih ringan iaitu ta'zir. Terdapat dua keadaan bagaimana seseorang tertuduh boleh diputuskan melakukan perbuatan buli pada tahap niat yang lebih rendah. Pertama, apabila tertuduh dibuktikan tidak mempunyai niat jenayah yang sepenuhnya, atau apabila tertuduh dibuktikan melakukan perlakuan mencederakan itu secara tidak langsung. Kedua-dua keadaan tersebut sebenarnya membantu mahkamah untuk melihat tertuduh sebagai individu yang mempunyai niat untuk membuli mangsa tetapi pada tahap niat yang lebih rendah.<sup>54</sup>

Senario ketiga pula sebaliknya melibatkan suatu keadaan di mana mahkamah, setelah mendengar segala keterangan dan hujah yang dikemukakan oleh kedua belah pihak, kemudiannya akan memutuskan bahawa tertuduh tidak berniat langsung untuk membuli mangsa. Dalam hal ini mahkamah harus membebaskan tertuduh daripada sebarang sabitan. Keadaan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah swt dalam al Ahzab, ayat 5 yang bererti:

“Dan tidaklah menjadi tanggungan ke atas kamu pada perbuatan yang kamu tersilap melakukannya, kecuali (ianya menjadi kesalahan sekiranya) kamu meniatkan dalam hati-hati kamu (apa yang kamu lakukan).”<sup>55</sup>

Faktor tertuduh harus dibebaskan dari sebarang sabitan dan hukuman sekiranya dibuktikan tiada niat langsung juga adalah berasaskan kepada sabda Rasulullah saw dalam sebuah hadis yang bererti:

“Diangkat dari umatku apa yang tersilap atau terlupa atau apa yang dipaksa ke atasnya.”<sup>56</sup>

Cuma apa yang harus difahami di sini ialah, prinsip syariah menetapkan sekiranya perlakuan buli secara tidak sengaja itu telah menghasilkan kecederaan, tertuduh tetap dikehendaki dikenakan denda dengan membayar diyat sebagai pampasan atas kecederaan yang telah diakibatkan oleh tertuduh. Dalam hal ini, berbeza dengan diyat yang dikenakan bagi kesalahan mencederakan dengan niat atau separuh niat, diyat bagi perbuatan mencederakan yang dilakukan tanpa sebarang niat adalah lebih ringan dan fleksibel. Ini kerana pembayaran diyat tersebut dikongsi bersama dengan keseluruhan ahli keluarga tertuduh serta boleh diansur-ansur dalam tempoh tiga tahun. Seperkara lagi yang diperhatikan di sini, bayaran diyat tersebut juga bolehlah dianggap sebagai pengajaran ke atas tertuduh agar lebih berhati-hati agar kesilapan yang sama tidak berulang.<sup>57</sup> Malah sekiranya perbuatan buli secara tidak sengaja itu tidak mendatangkan kecederaan fizikal, prinsip syariah masih boleh membenarkan tertuduh untuk dikenakan hukuman ta'zir ringan seperti denda dan sebagainya atas sebarang kesan trauma dan ketakutan yang dialami oleh mangsa. Ianya juga turut dilihat sebagai hukuman pengajaran agar tertuduh, walaupun tidak bermaksud membuli, harus lebih berhati-hati dan bertanggungjawab atas tindak tanduknya.<sup>58</sup>

Beberapa kesimpulan boleh dibuat daripada kupasan di atas. Pertama, perlakuan buli adalah haram serta merupakan suatu jenayah tidak kira samada ianya melibatkan mangsa yang dewasa mahupun kanak-kanak serta tidak kira samada terdapat hubungan kekeluargaan atau sebaliknya antara tertuduh dan mangsa. Kedua, sesuatu perlakuan buli hanya boleh disabitkan dan dihukum sekiranya kedua-dua elemn perbuatan dan niat jenayah dibuktikan dalam mahkamah. Ketiga, tertuduh haruslah dibicarakan dengan adil dengan kedua pihak pendakwa dan tertuduh diberi peluang mengemukakan keterangan dan hujah

masing-masing. Keempat, sekiranya disabitkan berdasarkan keterangan yang kukuh, tertuduh hanya akan dihukum berdasarkan tahap niat yang telah dibuktikan. Kelima, prinsip syariah tetap berpandangan tertuduh tetap perlu dikenakan diyat yang lebih ringan sebagai pengajaran walaupun tidak berniat langsung mencederakan mangsa.

## KESIMPULAN

Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dalam membendung kes buli di kalangan kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini. Antara peranan mudah yang boleh dimainkan oleh masyarakat keseluruhannya ialah melaporkan atau memberi maklumat kepada pihak berkuasa setiap kali mengetahui berlakunya kes buli. Di samping itu, gejala buli boleh dibendung dengan penggubalan undang-undang dan penguatkuasaan. Untuk itu, penggubalan undang-undang, SOP dan modul untuk menangani jenayah buli ini amat diperlukan.

## NOTA

- <sup>1</sup> Guneeswary Muneeswaran, *Kegiatan Buli Dalam Kalangan Pelajar: Kajian Sosio-Perundangan*, Disertasi Pra-Siswazah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2019, hlm. 3.
- <sup>2</sup> Dalam temubual yang dijalankan di kalangan ibubapa di Bandar, di pinggir bandar dan di luar bandar di Selangor dan Negeri Sembilan, 92.3% dari responden mengakui tanggungjawab dan amanah untuk memelihara dan mendidik anak telah menjadi bertambah mencabar. Firman Allah swt yang menekankan tanggungjawab dan amanah menjaga anak-anak dalam al Kahfi, ayat 46 yang bererti: Harta benda dan anak pinak itu adalah perhiasan hidup di dunia.
- <sup>3</sup> Gejala kemerosotan hubungan serta kasih sayang ibubapa-anak disentuh oleh Prof. Dr. Zuria Mahmud dalam Syarahan Umumnya di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 Februari 2014 yang bertajuk: Kemahiran Keibubapaan: Mulakan Amalan Baik Dari Awal. Rujuk kepada Saiful Bahri Kamaruddin, 'Kemerosotan Kasih Sayang Ibubapa Meningkatkan Masalah Remaja', 12 Februari, 2014. <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/1689> [27 Ogos 2021].
- <sup>4</sup> Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman & Noor Aziah Hj Mohd Awal, 'Penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa di Malaysia: Tinjauan dari perspektif prinsip Syariah', (2014) 1 CLJ- SHR xli-xliii.
- <sup>5</sup> Akmal Hana Mohammed, 'Penderaan kanak-kanak', *Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara*, 25 Mac, 2011, <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1135> [13 Disember 2020].
- <sup>6</sup> Berdasarkan statistik yang dilaporkan dalam Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara di <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1135> [13 Disember 2020].
- <sup>7</sup> Akmal Hana Mohammed, 'Penderaan Kanak-Kanak'.



- <sup>8</sup> Syed Sabiq, *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam* (Terjemahan), Pustaka Nasional Pte. Ltd., Singapura, 1978, hlm. 188, 205-206. Lihat juga Yusuf al Qardhawi, *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan* (Terjemahan) Anwar Wahid, Hasi/H.M. Mochtar Zoerni, Pustaka Nasional Pte. Ltd., Singapura, 1987, hlm. 9-13, 67.
- <sup>9</sup> Al Quran, Al Mukminun 18: 1-5
- <sup>10</sup> Yusuf al Qardhawi, *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan*, hlm. 67.
- <sup>11</sup> Ahmad Azam Mohd Shariff, 'Hubungan Akhlaq dan Deen', Manuskrip Undang-undang Jenayah Islam, Fakulti Undang-undang, UKM, 2016, hlm. 5.
- <sup>12</sup> Ahmad Azam Mohd Shariff, 'Hubungan Akhlaq dan Deen', hlm. 2.
- <sup>13</sup> Al Quran, Al Hujurat 49: 13
- <sup>14</sup> Ahmad Azam Mohd Shariff, 'Hubungan Akhlaq dan Deen', hlm. 6.
- <sup>15</sup> Yusuf al Qardhawi, *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan*, hlm.9.
- <sup>16</sup> Al Quran, Al Baqarah 2: 8-11. Sungguhpun amaran terhadap orang yang berdusta dan berbuat kerosakan dalam ayat ini mengkhusus kepada perbuatan menghasut orang kafir agar memusuhi dan menentang orang Islam, penulis menghujahkan bahawa amaran tersebut turut boleh diperluaskan kepada mereka yang berakhlak buruk serta melakukan perlakuan-perlakuan yang buruk serta biadab tidak kira di mana mereka berada. Ini kerana banyak ayat-ayat al Quran serta Sunnah Nabi SAW sebagaimana dihuraikan oleh para ulama terdahulu yang menuntun manusia berakhlak serta berlaku baik sesama manusia serta hubungkait keluhuran akhlak dan tingkah laku dengan keimanan dan ketakwaan. Lihat Yusuf al Qardhawi, *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan*, hlm.9-13, al Nawawi, *Riyadus Solihin-Taman Orang Yang Solih* (Terjemahan), PTS Islamika Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia, 2012, hlm. 99-100, 117-122 dan 123-127 serta Syed Sabiq, *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*, hlm. 188, 205-206.
- <sup>17</sup> Sifat hati-hati yang bersih digambarkan dalam al Quran, Al Hujurat 49:1.
- <sup>18</sup> Sifat hati yang sakit telah digambarkan dalam Al Quran, Al Jathiah 45: 23 dan Al Quran, Al Nas 114: 5-6.
- <sup>19</sup> Perbincangan mengenai 3 jenis hati serta hubungkaitnya dengan akhlak dan tingkah laku seseorang dilihat dalam Abu Mazaya al Hafiz, *Penawar Hati & Penenang Jiwa*, Al Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 5-18.
- <sup>20</sup> Al Nawawi, *Riyadus Solihin-Taman Orang Yang Solih*, hlm. 21-32.
- <sup>21</sup> Al Quran, Al Imran 3: 200.
- <sup>22</sup> Yusuf al Qardhawi, *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan*, hlm. 10.
- <sup>23</sup> Al Quran, Al Naml 27: 14.
- <sup>24</sup> Al Nawawi, *Riyadus Solihin-Taman Orang Yang Solih*, hlm. 117-127. Lihat juga Syed Sabiq, *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*, hlm. 188, 205-206.
- <sup>25</sup> Syed Sabiq, *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam*, hlm. 188.
- <sup>26</sup> Al Quran, Al Rum 30: 41
- <sup>27</sup> Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, Jilid 2, Muassasah al Risalah, Beirut, 1986, hlm. 172-175, 204-207. Muhammad al Khadrawi, *Masuliyah al Jina'iyah*, hlm. 156, sebagaimana disebut dalam Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*, Hizbi, Shah Alam, 1990, hlm. 139-140.
- <sup>28</sup> Abdul Qader Audah, dalam *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami* menegaskan *jinayah* atau *jarimah* bererti sebarang perlakuan yang menyalahi syarak (prinsip syariah) dan ianya terbahagi kepada *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Maka sebarang jenis kesalahan yang melanggar prinsip syariah serta berada di luar dari kategori-kategori *hudud* dan *qisas* adalah terjumlah kepada jenayah *ta'zir* yang wajar diberi hukuman. Lihat Abdul Qader Audah, *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 80-81.
- <sup>29</sup> Al Mawardi, seorang ulama dari Mazhab Syafie menjelaskan bahawa *jara'im* (atau *jinayat*) bererti pelbagai perilaku yang melarang syarak (prinsip syariah) yang membawa kepada hukuman *had* atau *ta'zir*. Lihat Al Mawardi, *al Ahkam al Sultaniyyah wa al Wilayat al Diniyyah*, Matba'ah Mustafa al Babi al Halabi wa Auladuh, Mesir, 1966, hlm. 219.
- <sup>30</sup> Para ulama menegaskan antara tujuan penguatkuasaan jenayah *ta'zir* adalah untuk *ta'dib* atau pendisiplinan dan pengajaran. Lihat Al Mawardi, *al Ahkam al Sultaniyyah wa al Wilayat al Diniyyah*, hlm. 219 serta Abdul Qader Audah, *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 80-81.
- <sup>31</sup> Khallaf, *Ilm*, hlm. 84. Lihat juga Badran, *Usul*, hlm. 209 sebagaimana dalam Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Ilmiah Publishers, Selangor, 1999, hlm. 379.
- <sup>32</sup> Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Hadis No. 234. Lihat juga Muhammad bin Zaid, *Sunan Ibn Majah*, Mustafa al Halabi, Kaherah, 1952. Hadis ini selari dengan satu kaedah fiqh yang berbunyi *Al dhararu yuzal* yang bererti: kerosakan itu harus dihilangkan. Lihat Ahmad Sudirman Abbas, *Sejarah Qawa'id Fiqhiyyah*, Pedoman Ilmu Jaya dan Anglo Media Jakarta, Jakarta, 2004, hlm. 35, 65.
- <sup>33</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 379.
- <sup>34</sup> Ibn Qayyim, *I'lam al Muwaqqi'ien*, Jilid 2, Darul Kutub Ilmiyyah, Beirut, 1994, hlm. 1. Lihat juga Ibn Qayyim, *I'lam al Muwaqqi'ien*, Maktabah al Kulliyah al Azhariyyah, Mesir, 1967.
- <sup>35</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 397-399. Lihat juga Yusuf Al Qardhawi, *Memahami Keutamaan Berasaskan Al Quran Dan Al Sunnah*, ABIM, Selangor, 1996, hlm. 34.
- <sup>36</sup> Yusuf Al Qardhawi, *Memahami Keutamaan Berasaskan Al Quran Dan Al Sunnah*, hlm. 34. Lihat juga Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 397.
- <sup>37</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 398. Lihat juga Yusuf Al Qardhawi, *Memahami Keutamaan Berasaskan Al Quran Dan Al Sunnah*, hlm. 34.
- <sup>38</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 399.
- <sup>39</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, hlm. 399. Lihat juga Yusuf Al Qardhawi, *Memahami Keutamaan Berasaskan Al Quran Dan Al Sunnah*, hlm. 34.
- <sup>40</sup> Kaedah fiqh tersebut juga adalah hadis nabi SAW. Lihat Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Hadis No. 234. Lihat juga Muhammad bin Zaid, *Sunan Ibn Majah*, Mustafa al Halabi, Kaherah, 1952. Ianya turut selari dengan satu kaedah fiqh lain yang berbunyi *Al dhararu yuzal* yang bererti: kerosakan itu harus dihilangkan. Lihat Ahmad Sudirman Abbas, *Sejarah Qawa'id Fiqhiyyah*, Pedoman Ilmu Jaya dan Anglo Media Jakarta, Jakarta, 2004, hlm. 35, 65.

- <sup>41</sup> Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, Jilid 2, Muassasah al Risalah, Beirut, 1986, hlm. 208-210.
- <sup>42</sup> al Quran, al Nisa 4: 123
- <sup>4</sup> Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 204-208.
- <sup>44</sup> al Quran, al Zalzalah 99 :8
- <sup>45</sup> al Mawardi, *al Ahkam al Sultaniyyah*, hlm. 222. Lihat juga perbahasan perlakuan jenayah secara aktif dan pasif dalam Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 87-88.
- <sup>46</sup> Ahmad Fathi Bahnasi, *al Ma'uliyah al Jina'iyah fi al Fiqh al Islami*, al Halabi, Kahirah, 1969, hlm. 22, 36, Paizah Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, 1991, hlm. 31-34.
- <sup>47</sup> al Quran, al Ahzab 33:5.
- <sup>48</sup> Syaukani, Nailu al Awtar, Jilid 7, *Dar al Jail*, Beirut, (tt), hlm. 22, seperti yang disebut dalam Paizah Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, hlm. 33.
- <sup>49</sup> Hadis tersebut disebut dalam Paizah Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, hlm. 38.
- <sup>50</sup> al Munziri, Mukhtasar Sahih Muslim, *al Maktabah al Islami*, Beirut, 1939, hlm. 287.
- <sup>51</sup> Al Maidah 5: 42
- <sup>52</sup> Kaedah Fiqh menyebut: al Bayyinatul 'ala al Mudda'ie wal Yamini 'ala man Ankara yang bermaksud 'Keterangan adalah ke atas Pendakwa dan Sumpah atau Penafian adalah ke atas Tertuduh. Justeru adalah menjadi tanggungjawab pendakwa untuk mengemukakan segala keterangan untuk membuktikan tertuduh telah mencederakan mangsa. Hanya setelah mahkamah yakin dengan keterangan yang dikemukakan barulah tertuduh boleh disabitkan. Keadaan ini selari dengan satu lagi kaedah fiqh: al Yakin la Yuzalu bi al Syak yang bererti Yakin tidak akan terangkat dengan syak atau keraguan. Kesan dari kaedah kedua ini, beban bukti untuk membuktikan tertuduh telah mencederakan mangsa akan sentiasa dipikul oleh pendakwa yang perlu membawa keterangan yang meyakinkan mahkamah. Sekiranya keterangan yang dibawa meragukan, maka keraguan atau syak tersebut tidak akan dapat menolak keyakinan atau anggapan asal bahawa tertuduh tidak bersalah.
- <sup>53</sup> Wahbah Zuhaili, *al Fiqh al Islami wa Adillatuhu*, Jilid 6, Dar al Fikr, Damsyik, 1985, hlm. 332.
- <sup>54</sup> Perbahasan mengenai sebab-sebab mengapakah hukuman bagi kesalahan buli boleh berkurangan sebenarnya boleh diqiaskan kepada pengurangan hukuman bagi kesalahan jenayah mencederakan daripada hukuman qisas kepada hukuman diyat atau ta'zir. Perbahasan lanjut mengenai sebab-sebab hukuman bagi kesalahan mencederakan itu dikurangkan daripada hukuman qisas kepada hukuman diyat dan ta'zir boleh dilihat dalam al Kasani, *Badai' al Sanai'*, Jilid 7, Matba'ah al Jamaliyyah, Mesir, 1328 H, hlm. 297, al Syafie, *al Umm*, Jilid 6, Maktabah al Kulliyyat al Azhariyyah, Mesir, 1961, hlm. 6, al Dardir, *al Syarh al Kabir*, Jilid 9, al Matba'ah al Azhariyyah, 1345 H, hlm. 428, Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 217 dan Wahbah Zuhaili, *al Fiqh al Islami wa Adillatuhu*, Jilid 6, Dar al Fikr, Damsyik, 1985, hlm. 335. Lihat juga Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*, hlm. 150-158.
- <sup>55</sup> al Quran, al Ahzab 33:5.
- <sup>56</sup> Syaukani, *Nailu al Awtar*, hlm. 22, seperti yang disebut dalam Paizah Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, hlm. 33.
- <sup>57</sup> Keadaan ini telah dikategorikan oleh para ulama' sebagai perlakuan mencederakan secara tersilap. Dalam hal tersebut walaupun tiada sabitan dibuat, hukuman diyat tetap boleh dikenakan ke atas tertuduh yang dibebaskan sebagai pampasan dan pengajaran. Lihat Paizah Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, hlm. 159 dan Abdul Qadir Audah, *al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 290.
- <sup>58</sup> Abdul Qader Audah, dalam *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami* menegaskan *jinayah* atau *jarimah* bererti sebarang perlakuan yang menyalahi syarak (prinsip syariah) dan ianya terbahagi kepada *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. Maka sebarang jenis kesalahan yang melanggar prinsip syariah serta berada di luar dari kategori-kategori *hudud* dan *qisas* adalah terjumlah kepada jenayah *ta'zir* yang wajar diberi hukuman. Lihat Abdul Qader Audah, *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, hlm. 80-81.

#### RUJUKAN

- Abdul Qader Audah. 1986. *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*, Jilid 1, Beirut: Muassasah al Risalah.
- Abdul Qader Audah. 1986. *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*. Jilid 1. Beirut: Muassasah al Risalah.
- Abu Mazaya al Hafiz. 1997. *Penawar Hati & Penenang Jiwa*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers.
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman & Noor Aziah Hj Mohd Awal. 2014. *Penderaan Kanak-kanak Oleh Ibu Bapa di Malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Prinsip Syariah*. 1 *CLJ- SHR* xli-xliii.
- Ahmad Azam Mohd Shariff. 2016. *Hubungan Akhlaq dan Deen*, Manuskrip Undang-undang Jenayah Islam, Fakulti Undang-undang, UKM.
- Ahmad Fathi Bahnasi. 1969. *al Ma'uliyah al Jina'iyah fi al Fiqh al Islami*. Kahirah: al Halabi.
- Ahmad Sudirman Abbas. 2004. *Sejarah Qawa'id Fiqhiyyah*. Jakarta: Pedomon Ilmu Jaya dan Anglo Media.
- Akmal Hana Mohammed. 2011. *Penderaan Kanak-Kanak. Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara*. 25 Mac. <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1135> [13 Disember 2020].
- al Dardir. 1345 H. *al Syarh al Kabir*, Jilid 9, al Matba'ah al Azhariyyah.
- Al Hidayah. 2011. *Terjemahan Al Quran Al Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*. Selangor: Al Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
- al Kasani. 1328 H. *Badai' al Sanai'*, Jilid 7. Mesir: Matba'ah al Jamaliyyah.
- al Mawardi. 1328 H. *al Ahkam al Sultaniyyah*. Kahirah: al Saadah.
- Al Mawardi. 1966. *Al Ahkam al Sultaniyyah wa al Wilayat al Diniyyah*. Mesir: Matba'ah Mustafa al Babi al Halabi wa Auladuh.
- al Munziri. 1939. *Mukhtasar Sahih Muslim*. Beirut: al Maktabah al Islami.
- Al Nawawi. 2012. *Riyadus Solihin-Taman Orang Yang Solih* (Terjemahan). Selangor, Malaysia: PTS Islamika Sdn. Bhd.

- al Syafie. 1961. *al Umm*, Jilid 6. Mesir: Maktabah al Kulliyat al Azhariyyah.
- Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara di <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1135>.
- Guneeswary Muneeswaran. 2019. *Kegiatan Buli Dalam Kalangan Pelajar: Kajian Sosio-Perundangan*, Disertasi Pra-Siswazah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Hassan Abdullah. t.t. *Al Tanzim al Qada'ie Fi al Mamlakah al Arabiyyah al Sa'udiyyah*. t.pt.
- Ibn Qayyim. 1953. *Al Turuq Al Hukmiyyah Fi Al Siyasa Al Syar'iyah*. Mesir: Al Sanah al Muhammadiyyah.
- Ibn Qayyim. 1967. *I'lam al Muwaqqi'ien*. Mesir: Maktabah al Kulliyah al Azhariyyah.
- Ibn Qayyim. 1994. *I'lam al Muwaqqi'ien*, Jilid 2. Beirut: Darul Kutub Ilmiyyah.
- Mat Saad Abdul Rahman. 1990. *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohammad Hashim Kamali. 1999. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers.
- Muhammad bin Zaid. 1952. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Mustafa al Halabi.
- Paizah Ismail. 1991. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Saiful Bahri Kamaruddin. 2014. Kemosrotan Kasih Sayang Ibubapa Meningkatkan Masalah Remaja. 12 Februari. <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/1689> [27 Ogos 2021].
- Syaukani. (tt). *Nailu al Awtar*, Jilid 7. Beirut: Dar al Jail.
- Syed Sabiq. 1978. *Unsur-Unsur Kekuatan Dalam Islam* (Terjemahan). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Yusuf al Qardhawi. 1987. *Iman, Revolusi & Reformasi Kehidupan* (Terjemahan) Anwar Wahid, Hasi/H.M. Mochtar Zoerni. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Yusuf Al Qardhawi. 1996. *Memahami Keutamaan Berasaskan Al Quran Dan Al Sunnah*. Selangor: ABIM.
- Ahmad Azam Mohd Shariff  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: aazam@ukm.edu.my
- Mohamad Azhan Yahya  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: azhan@ukm.edu.my
- Mohd Zamre Mohd Zahir  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: zamre@ukm.edu.my
- Fatimah Yusro Hashim  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Emel: wardatun@ukm.edu.my